



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 21 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI PRIHATIN SUMBANG 500 BAKUL MAKANAN, UM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI TO DEVELOP A SUSTAINABLE TUNA FISHING INDUSTRY, BERNAMA -ONLINE	
3.	MAFI BANGUNKAN INDUSTRI PERIKANAN TUNA SECARA MAMPAN, SH -ONLINE	
4.	MAFI BANGUNKAN INDUSTRI PERIKANAN TUNA SECARA MAMPAN, BERNAMA -ONLINE	
5.	MAFI TURUNKAN KUASA KELULUSAN LESEN PERIKANAN LAUT DALAM C2 KEPADA PENGARAH PERIKANAN SABAH, BERNAMA -ONLINE	
6.	NANAS POTENSI JADI MAKANAN ASAS DUNIA, HARAKAH DAILY -ONLINE	
7.	TUNA BERPOTENSI MENJADI SUMBER KEKAYAAN BAHARU NEGARA, SABAH MEDIA -ONLINE	
8.	TURNING SABAH AND LABUAN INTO IMPORTANT TUNA FISH HUBS, BUSINESS TODAY -ONLINE	
9.	PENANGKAPAN IKAN TUNA DIGALAKKAN, BH -ONLINE	
10.	KERJASAMA AWAM, SWASTA DIPERTINGKAT BANGUNKAN INDUSTRI TUNA DI SABAH, LABUAN, SH -ONLINE	
11.	KERAJAAN TAK BIAR PETANI, PESAWAH TANGGUNG BEBAN, NASIONAL, BH AHAD -8	
12.	BENIH PADI BAHARU IS21 TINGKATKAN HASIL, NASIONAL, SH -7	
13.	5,849 HEKTAR PADI DI PENDANG DITENGGELAMI BANJIR, SH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
14.	2,759 PESAWAH TERJEJAS AKIBAT BANJIR DI KEDAH, BH -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

MAFI Prihatin sumbang 500 bakul makanan



NIK MUHAMMAD ZAWAWI ketika menyampaikan sumbangan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pasir Puteh, Pasir Puteh Kelantan, hari ini.

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyampaikan sumbangan sebanyak 500 bakul makanan kepada penduduk kawasan

Pasir Puteh yang terjejas, yang terdiri daripada orang awam, warga petani, penternak dan nelayan serta petugas barisan hadapan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh menyampaikan sumbangan sebanyak 500 bakul makanan kepada penduduk kawasan Pasir Puteh, Kelantan yang terjejas.

Menurut kenyataan kementerian berkenaan, penerima sumbangan MAFI Prihatin menerusi LPNM itu terdiri daripada orang awam, warga petani, penternak, nelayan dan petugas barisan hadapan.

Katanya, pelaksanaan Program Mafi Prihatin di bawah LPNM itu merupakan siri bantuan MAFI Prihatin yang dilaksanakan oleh LPNM dan semua agensi di bawah MAFI di seluruh negara.

“Antara barangan sumbangan di dalam kotak makanan yang disampaikan adalah beras, gula, tepung, minyak masak, susu pekat, biskut, bihun nanas tin serta jem nanas.

“Turut disumbangkan adalah buah nanas MD2 sebagai sebahagian kempen makan nanas oleh LPNM,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Terdahulu, pemberian sumbangan MAFI Prihatin ini merupakan program yang direncanakan oleh MAFI dan telah dilancarkan pada Januari lepas bagi membantu mereka yang terkesan akibat musibah yang melanda negara seperti banjir dan pandemik Covid-19.

Sumbangan juga diberikan kepada petugas barisan hadapan sebagai menghargai jasa dan pengorbanan menangani pandemik Covid-19.

Setakat Oktober, seramai 125,724 orang telah menerima bantuan MAFI Prihatin di seluruh negara melalui 626 program MAFI Prihatin yang dilaksanakan oleh jabatan serta agensi di bawah MAFI.

Dalam pada itu, MAFI memberitahu, pihaknya menerusi LPNM turut menyampaikan Insentif tanaman nanas Negeri Kelantan di bawah Projek Pengukuhan Tanaman Nanas Bernilai Tinggi bagi tahun 2021 berjumlah RM1.9 juta.

Katanya, sebanyak RM341,555.40 insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha Nanas berupa insentif lori dan jentera kepada Koperasi Penanam-Penanam Nanas Kelantan Berhad serta set mesin penyembur berkuasa kepada pekebun nanas terlibat.

“PRE Prihatin Pengusaha Nanas merupakan insentif yang diberikan oleh pihak Kerajaan melalui MAFI dan LPNM telah mula melaksanakan program bantuan insentif ini bermula April 2020 hingga Disember ini.

“Peruntukan PRE Prihatin Pengusaha Nanas bertujuan untuk merancakkan ekonomi para pengusaha nanas susulan pandemik Covid-19.

“Peruntukan tambahan kepada LPNM ini sedikit sebanyak dapat memberi kelegaan kepada para pengusaha nanas yang terlibat di sepanjang rantai industri yang terdiri daripada pekebun kecil, pengangkut dan penjual, pemasaran, pengeksport dan usahawan industri asas tani dengan penerima manfaat adalah seramai 5000 orang,” ujarnya. -UTUSAN ONLINE

MAFI to develop a sustainable tuna fishing industry



LABUAN, Nov 21 –The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) will develop the tuna fishing industry in the country with the active involvement of deep-sea fishing industry players.

Its Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the Tuna Industry Development Strategic Plan 2021-2030 (10 years) had been drafted in realising his ministry's aspirations.

"The tuna fishing industry has great potential as a new source of national wealth to be developed in Sabah and Labuan, in line with the transformation and development of the fisheries sector under the National Agrofood Policy 2.0 (DAN 2.0)," he said at the engagement session with senior tuna industry players at a hotel today.

He called on existing investors and industry players to open factories and operate tuna vessels, as well as to turn Labuan into a tuna hub servicing markets in Peninsular Malaysia and abroad.

"Cooperation between the government and the private sector is very important to ensure that the tuna industry continues to grow in the country and benefit all parties.

Ronald also said the benefits are not limited to tuna fishing activities only, but also various other services along the tuna industry value chain such as ports, transportation, storage and processing.

Malaysia should take the opportunity as a member of the Indian Ocean Tuna Commission (IOTC) to send more fishing vessels to catch tuna in the Indian Ocean and encourage more tuna vessels to land in Malaysia, he added.

"The government also intends to join another international fisheries management organisation that manages tuna resources in the Pacific Ocean, the Western and Central Pacific Fisheries Commission (WCPFC), apart from the IOTC, which Malaysia joined in 1998," he said.

Ronald said participation in the WCPFC would enable Malaysia to boost its tuna industry and deep-sea fisheries.

As of October 2021, a total of 20 tuna vessels, 19 tuna fishing vessels and a tuna carrier vessel have been licensed and were operating in the Indian Ocean.

"The government is hoping that up to 74 Malaysian-flagged tuna fishing vessels will operate in the Indian Ocean by 2030 in line with the total quota allocated by the IOTC.

"There are still 54 quotas that have not been applied for, and the government welcomes industry players to apply for permits and get involved in the tuna fishing industry in the Indian Ocean," he said.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI bangun industri perikanan tuna secara mapan



Ronald Kiandee (kiri) bersama Ketua Pengarah Perikanan Malaysia Ahmad Tarmidzi Ramly (kanan) menyaksikan pemprosesan ikan tuna pada sesi lawatan ke Kilang Labuan Food Industries Sdn Bhd hari ini. Foto Bernama

LABUAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membangunkan industri perikanan tuna negara dengan penglibatan aktif pemain industri perikanan laut dalam.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021-2030 telah dirangka dalam merealisasikan hasrat kementerian itu.

"Industri perikanan tuna ini mempunyai potensi yang besar sebagai sumber kekayaan baharu negara untuk dikembangkan di Sabah dan Labuan selaras dengan transformasi serta pembangunan sektor perikanan yang menyeluruh di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0," katanya pada majlis libat urus pengurusan tertinggi bersama pemain industri tuna di sebuah hotel di sini pada Ahad.

Beliau turut menyeru agar pelabur dan pemain industri sedia ada membuka kilang serta mengusahakan vesel tuna selain menjadikan Labuan sebagai hab untuk pasaran ke Semenanjung Malaysia dan luar negara.

"Kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta amat penting dalam memastikan pembangunan industri Tuna terus berkembang di negara ini serta dapat dimanfaatkan oleh semua pihak," ujarnya.

Ronald juga berkata, manfaat yang bakal diperoleh tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna sahaja malah pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantaian nilai industri tuna boleh dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan.

"Malaysia harus mengambil peluang sebagai ahli Suruhanjaya Tuna Lautan Hindi (IOTC) untuk menghantar lebih banyak vesel perikanan menangkap ikan di lautan itu dan menggalakkan lebih banyak vesel tuna mendarat di negara ini.

"Kerajaan juga berhasrat menyertai satu lagi organisasi pengurusan perikanan antarabangsa yang menguruskan sumber tuna di sebelah Lautan Pasifik iaitu Suruhanjaya Perikanan Pasifik Barat dan Tengah (WCPFC) selain IOTC yang telah Malaysia sertai sebelum ini iaitu sejak 1998," katanya.

Ronald berkata, langkah itu akan membolehkan Malaysia merencanakan industri tuna dan perikanan laut dalam.

Beliau berkata, setakat Oktober 2021, sebanyak 20 vesel tuna iaitu 19 vesel penangkapan ikan dan sebuah vesel pengangkut telah dilesenkan serta beroperasi di Lautan Hindi.

“Kerajaan menggalakkan sehingga 74 vesel penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia beroperasi di Lautan Hindi menjelang tahun 2030 selari dengan jumlah kuota yang diperuntuk oleh IOTC untuk beroperasi di kawasan itu.

“Masih berbaki 54 kuota lagi yang belum dipohon dan kerajaan mengalu-alukan pemain industri memohon permit untuk terlibat sama dalam penangkapan ikan tuna di Lautan Hindi,” jelasnya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI bangunkan industri perikanan tuna secara mapan



Ronald Kiandee (kiri) bersama Ketua Pengarah Perikanan Malaysia Ahmad Tarmidzi Ramly (kanan) menyaksikan pemprosesan ikan tuna pada sesi lawatan ke Kilang Labuan Food Industries Sdn Bhd hari ini. Foto Bernama

LABUAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membangunkan industri perikanan tuna negara dengan penglibatan aktif pemain industri perikanan laut dalam.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021-2030 telah dirangka dalam merealisasikan hasrat kementerian itu.

"Industri perikanan tuna ini mempunyai potensi yang besar sebagai sumber kekayaan baharu negara untuk dikembangkan di Sabah dan Labuan selaras dengan transformasi serta pembangunan sektor perikanan yang menyeluruh di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0," katanya pada majlis libat urus pengurusan tertinggi bersama pemain industri tuna di sebuah hotel di sini pada Ahad.

Beliau turut menyeru agar pelabur dan pemain industri sedia ada membuka kilang serta mengusahakan vesel tuna selain menjadikan Labuan sebagai hab untuk pasaran ke Semenanjung Malaysia dan luar negara.

"Kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta amat penting dalam memastikan pembangunan industri Tuna terus berkembang di negara ini serta dapat dimanfaatkan oleh semua pihak," ujarnya.

Ronald juga berkata, manfaat yang bakal diperoleh tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna sahaja malah pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantai nilai industri tuna boleh dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan.

"Malaysia harus mengambil peluang sebagai ahli Suruhanjaya Tuna Lautan Hindi (IOTC) untuk menghantar lebih banyak vesel perikanan menangkap ikan di lautan itu dan menggalakkan lebih banyak vesel tuna mendarat di negara ini.

"Kerajaan juga berhasrat menyertai satu lagi organisasi pengurusan perikanan antarabangsa yang menguruskan sumber tuna di sebelah Lautan Pasifik iaitu Suruhanjaya Perikanan Pasifik Barat dan Tengah (WCPFC) selain IOTC yang telah Malaysia sertai sebelum ini iaitu sejak 1998," katanya.

Ronald berkata, langkah itu akan membolehkan Malaysia merancakkan industri tuna dan perikanan laut dalam.

Beliau berkata, setakat Oktober 2021, sebanyak 20 vesel tuna iaitu 19 vesel penangkapan ikan dan sebuah vesel pengangkut telah dilesenkan serta beroperasi di Lautan Hindi.

“Kerajaan menggalakkan sehingga 74 vesel penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia beroperasi di Lautan Hindi menjelang tahun 2030 selari dengan jumlah kuota yang diperuntuk oleh IOTC untuk beroperasi di kawasan itu.

“Masih berbaki 54 kuota lagi yang belum dipohon dan kerajaan mengalu-alukan pemain industri memohon permit untuk terlibat sama dalam penangkapan ikan tuna di Lautan Hindi,” jelasnya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI turunkan kuasa kelulusan lesen perikanan laut dalam C2 kepada Pengarah Perikanan Sabah



LABUAN, 21 Nov – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menurunkan kuasa berhubung pemberian kelulusan lesen perikanan laut dalam C2 kepada Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sabah bermula 1 Dis depan.

Menteri berkenaan Datuk Seri Ronald Kiang berkata langkah itu adalah selari dengan pembangunan sektor perikanan di Sabah.

“Sebelum ini, kelulusan lesen itu diberikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia dan hasil perbincangan (di peringkat kementerian), kerajaan memutuskan menurunkan kuasa pemberian kelulusan untuk lesen ini kepada Pengarah Perikanan Negeri Sabah,” katanya kepada pemberita selepas melawat kilang memproses ikan tuna di Jalan Patau-Patau dekat sini hari ini.

Beliau berkata penurunan kuasa ini bertujuan mempercepat proses kelulusan permohonan lesen itu selain menambah baik industri perikanan laut dalam di Sabah.

"Industri perikanan laut dalam masih mempunyai ruang yang besar untuk diterokai dan dibangunkan pada masa hadapan," katanya.

Ronald berkata sektor pengeluaran produk hiliran adalah antara industri perikanan laut dalam di negara itu yang masih belum dibangunkan secara meluas.

"Terdapat pelbagai isu dan permasalahan yang diajukan oleh pemain industri hiliran termasuk pemasaran dan perkara ini akan diberi perhatian sewajarnya.

"Sudah semestinya kita memerlukan sokongan dan penglibatan pemain industri perikanan bagi membantu kita merealisasikan hasrat kerajaan yang mahu melihat industri perikanan laut dalam dibangunkan secara mapan," katanya.

Beliau juga berkata industri perikanan negara masih mampu memenuhi keperluan domestik dan seterusnya menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Nanas potensi jadi makanan asas dunia



Sebanyak 500 bakul makanan diedarkan kepada penduduk Pasir Puteh, Kelantan sempena Majlis Penyampaian Bakul Makanan MAFI Prihatin yang dirasmikan Nik Muhammad Zawawi semalam.

PASIR PUTEH: Nanas berpotensi pada masa hadapan sebagai makanan asas utama penduduk dunia, malah menjadi hidangan dan makanan penting di hotel-hotel terkemuka termasuk di Itali.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pada masa ini kawasan seluas 17,000 hektar ditanam dengan nanas di seluruh negara, dan kerajaan bercadang meningkatkan lagi tanaman itu kepada 20,000 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia (RMK) ke-12 (2021-2025) berasaskan permintaan tinggi industri itu.

Menurutnya, Kelantan dilihat mempunyai potensi besar dalam industri nanas yang mempunyai pelbagai varieti termasuklah MD2, Madu Kaca, Sarawak serta yang terbaharu, nanas cobek mampu menjadi antara pengeluar nanas utama di negara ini bagi menampung permintaan tinggi dalam dan luar negara.

“Tanaman nanas dikategorikan kerajaan sebagai sumber kekayaan baharu negara terutamanya MD2 yang nilai eksportnya meningkat kepada RM641 juta pada tahun 2020 berbanding RM492 juta tahun sebelumnya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media pada Majlis Penyampaian Bakul Makanan MAFI Prihatin dan insentif LPNM di sini semalam.

Katanya, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bersedia untuk menimbang geran bantuan sebanyak RM20,000 kepada setiap belia berumur 40 tahun ke bawah yang berminat menanam nanas secara berkelompok.

Menurutnya lagi, sekiranya 10 orang menyertai satu kumpulan bermakna mereka mendapat geran bantuan berjumlah RM200,000.

“Ini tidak termasuk hasil lumayan yang bakal mereka perolehi memandangkan permintaan tinggi dari seluruh dunia malah keperluan dalam negara masih tidak mencukupi,” katanya.

Dalam pada itu, sempena majlis berkenaan, sebanyak 500 bakul makanan diedarkan kepada penduduk di kawasan Parlimen Pasir Puteh yang terjejas dalam pandemik Covid-19 yang terdiri daripada orang awam, petani, penternak dan nelayan serta petugas barisan hadapan.

Antara barangan makanan termasuk beras, gula, tepung, minyak masak susu pekat, biskut, behun nanas tin serta jem nanas.

Sementara itu Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M. Salleh berkata, LPNM menyasarkan untuk meningkatkan pendapatan pengusaha nanas kepada RM8,000 sebulan dalam tempoh RMK Ke-12 berbanding purata RM5,000 sebulan dalam tempoh RMK sebelumnya.

“Kejayaan itu berdasarkan perancangan program pembangunan LPNM melalui peruntukan yang diperakukan oleh kementerian untuk mempelbagaikan program pembangunan yang berorientasikan peningkatan penjanaan pendapatan kepada para pekebun dan pengusaha nanas,”
katanya. **HARAKHDAILY 21/11/2021**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	SABAH MEDIA	ONLINE	

Tuna Berpotensi Menjadi Sumber Kekayaan Baharu Negara



LABUAN: Industri perikanan tuna mempunyai potensi yang besar sebagai sumber kekayaan baharu negara untuk dikembangkan di Sabah dan Labuan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia selaras dengan transformasi dan pembangunan sektor perikanan yang menyeluruh di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

“Saya menyeru kepada pelabur dan pemain industri sedia ada untuk membuka kilang dan mengusahakan vesel tuna, serta menjadikan Labuan sebagai Hab Tuna untuk pasaran ke Semenanjung dan luar negara.

“Kerjasama antara Kerajaan dan pihak swasta adalah amat penting bagi memastikan pembangunan industri tuna terus berkembang di negara ini serta dapat dimanfaatkan oleh semua pihak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi libat urus bersama pihak berkepentingan sektor perikanan laut dalam bagi Sabah dan Labuan disini hari ini.

Tujuan utama sesi libat urus itu diadakan adalah bagi mendapatkan input-input penting daripada semua pihak yang berkepentingan berkaitan tuna sebagai langkah penyediaan perancangan kearah kemajuan industri tuna tempatan.

Dr Ronald berkata, dalam hal ini, peningkatan kualiti pasca tuai dan nilai tambah bagi hasilan perikanan tuna akan terus diberi penekanan.

Katanya, manfaat yang bakal diperoleh tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna sahaja, tetapi pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantaian nilai industri tuna boleh dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan dan lain-lain.

“Ini termasuk produk tambah nilai seperti *steak tuna*, *canned tuna*, sate, serunding, keropok kulit tuna dan sebagainya.

“Kita harus mengambil peluang sebagai negara ahli *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC) untuk menghantar lebih banyak vesel perikanan menangkap ikan tuna di Lautan Hindi dan menggalakkan lebih banyak vesel tuna mendarat di Malaysia.

“Kerajaan juga berhasrat untuk menyertai satu lagi organisasi pengurusan perikanan antarabangsa yang menguruskan sumber tuna di sebelah Lautan Pasifik iaitu *Western and Central Pacific Fisheries Commission* (WCPFC) selain daripada IOTC yang telah Malaysia sertai sebelum ini sejak 1998,” katanya.

Katanya, dengan penyertaan dalam WCPFC, Malaysia boleh merencanakan industri tuna, meningkatkan lagi hasil pendaratan tuna dan seterusnya membangunkan industri laut dalam dan tuna dengan meningkatkan pendaratan sektor perikanan dan jaminan sekuriti makanan negara serta menggalakkan penglibatan pengusaha industri laut dalam dan tuna di sepanjang rangkaian industri tuna.

Sesi libat urus itu dihadiri oleh 60 orang yang terdiri dari nelayan, pengusaha laut dalam, pemain industri perikanan laut dalam, pengilang dan pemproses ikan beku, serta Jabatan dan Agensi di bawah MAFI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	BUSINESS TODAY	ONLINE	

Turning Sabah And Labuan Into Important Tuna Fish Hubs



Minister of Agriculture and Food Industry, Datuk Dr. Series Ronald Kiandee in his engagement session with fishermen, deep sea entrepreneurs, deep sea fisheries industry players, frozen fish manufacturers and processors indicated that the potential to grow the country's tune is immense.

"This tuna fishing industry has great potential as a source of wealth for the country and can be developed in Sabah and Labuan, this is also in line with

comprehensive transformation and development of the fisheries sector under the National Agro - Food 2.0 Policy,"

However, for the industry to expand, both public and private sector need to collaborate, existing investors and industry players must open bigger factories and operated more tuna vessels and aim to make Labuan a Tuna Hub. The Minister reiterated that the ecosystem for the industry is not just catching the fishes but the improvement of the overall value chain such as ports, transportation, storage, processing and including introducing value -added products such as tuna steak, canned tuna, satay, serunding, tuna skin crackers and so on.

As members of the Indian Ocean Tuna Commission, Dr Ronald advices fishing companies send more tuna vessels into the Indian Ocean and encourage more boats to offload in Malaysian fishing ports. In fact the Government is also intending to join another organisation to give fisherman more leverage in tuna fishing. The Western and Central Pacific Fisheries Commission which will give exposure into the Pacific Ocean next.

Currently Malaysia has a total of 20 tuna vessels, namely 19 fishing vessels

tuna fish and a tuna carrier, the target is to have 70 vessels

in operation for the Indian Ocean by 2030, if this is achieve the tuna landing quota for the country can reach 30 thousand metric tons, which can place Malaysia in a interesting position in the tuna bussiness

These initiatives by the Ministry will offer positive prospects for the country to be both self sustainable in terms of accessing food source from the ocean and reducing the dependency of foreign imports. However, this can only be achieved if both private and public sector combine their energy together and work towards common goals.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Penangkapan ikan tuna digalakkan



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyarankan pelabur dan peserta industri untuk membuka kilang dan mengusahakan kapal tuna serta menjadikan Labuan sebagai Hab Tuna untuk pasaran ke Semenanjung dan luar negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata industri perikanan tuna mempunyai potensi besar sebagai sumber kekayaan baharu negara untuk dikembangkan di Sabah dan Labuan yang juga selaras

dengan transformasi serta pembangunan sektor perikanan yang menyeluruh di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

Katanya, kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta amat penting bagi memastikan pembangunan industri tuna terus berkembang di negara ini serta dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

"Manfaat itu tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna saja, tetapi pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantai nilai industri tuna boleh dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan dan lain-lain.

"Ini termasuk produk tambah nilai seperti steak tuna, tuna tin, sate, serunding, keropok kulit tuna dan sebagainya.

"Justeru peningkatan kualiti pasca tuai dan nilai tambah bagi hasilan perikanan tuna akan terus diberi penekanan," katanya pada sesi libat urus bersama dengan pihak berkepentingan sektor perikanan laut dalam terutamanya di Sabah dan Labuan, hari ini.

Sesi libat urus itu diadakan bagi mendapatkan input penting daripada semua pihak yang berkepentingan berkaitan tuna sebagai langkah penyediaan perancangan ke arah kemajuan industri tuna tempatan.

Beliau berkata, negara juga perlu mengambil peluang sebagai negara ahli Indian Ocean Tuna Commission (IOTC) untuk menghantar lebih banyak kapal perikanan menangkap ikan tuna di Lautan Hindi dan menggalakkan lebih banyak kapal tuna mendarat di Malaysia.

"Kerajaan juga berhasrat untuk menyertai satu lagi organisasi pengurusan perikanan antarabangsa yang menguruskan sumber tuna di sebelah Lautan Pasifik iaitu Western and Central Pacific Fisheries Commission (WCPFC) selain daripada IOTC yang Malaysia sertai sebelum ini sejak 1998.

"Menerusi penyertaan dalam WCPFC, Malaysia boleh merancakkan industri tuna, meningkatkan lagi hasil pendaratan tuna dan seterusnya membangunkan industri laut dalam dan tuna dengan meningkatkan pendaratan sektor perikanan dan jaminan sekuriti makanan negara serta menggalakkan pembabitan pengusaha industri laut dalam dan tuna di sepanjang rantai industri tuna," katanya.

Sehingga Oktober 2021, sebanyak 20 buah kapal tuna iaitu 19 buah untuk penangkapan ikan tuna dan sebuah pengangkut tuna dilesenkan, beroperasi di Lautan Hindi manakala satu lagi kapal penangkapan ikan tuna dijangka dilesenkan pada hujung tahun ini.

Kerajaan menggalakkan sehingga 70 buah kapal penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia beroperasi di Lautan Hindi menjelang tahun 2030 bagi membolehkan kuota pendaratan ikan tuna oleh Malaysia di Lautan Hindi sebanyak 30 ribu tan metrik tercapai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kerjasama awam, swasta dipertingkat bangunkan industri tuna di Sabah, Labuan



Ronald ketika mempengerusikan sesi libat urus berkenaan.

LABUAN - Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan meningkatkan kerjasama awam dan swasta dalam pembangunan industri tuna di Sabah dan Labuan, selaras usaha menjadikan lokasi itu sebagai hab tuna.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, industri perikanan itu mempunyai potensi yang besar sebagai sumber kekayaan baharu negara untuk dikembangkan di Sabah dan Labuan.

Menurut Ronald, ia juga selari dengan transformasi dan pembangunan sektor perikanan yang menyeluruh di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

Tambahnya, sesi libat urus bersama 60 orang yang terdiri dari nelayan, pengusaha laut dalam, pemain industri perikanan laut dalam, pengilang dan pemproses ikan beku serta Jabatan dan Agensi di bawah kementeriannya turut diadakan.

Ronald bergambar bersama sebahagian peserta yang menghadiri sesi libat urus.

“Tujuan utama sesi libat urus ini diadakan adalah bagi mendapatkan input-input penting daripada semua pihak yang berkepentingan berkaitan tuna sebagai langkah penyediaan perancangan ke arah kemajuan industri tuna tempatan.

“Kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta adalah amat penting bagi memastikan pembangunan industri tuna terus berkembang di negara ini serta dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

“Justeru, dalam hal ini, peningkatan kualiti pasca tuai dan nilai tambah bagi hasilan perikanan tuna akan terus diberi penekanan,” katanya ketika menghadiri sesi libat urus di sini pada Ahad.

Tambahnya, sebagai negara ahli Indian Ocean Tuna Commission (IOTC), Malaysia juga harus mengambil peluang untuk menghantar lebih banyak vesel perikanan menangkap ikan tuna di Lautan Hindi dan menggalakkan lebih banyak vesel tuna mendarat di negara ini.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, kerajaan turut berhasrat menyertai satu lagi organisasi pengurusan perikanan antarabangsa yang menguruskan sumber tuna di sebelah Lautan Pasifik iaitu Western and Central Pacific Fisheries Commission (WCPFC) selain daripada IOTC yang telah Malaysia sertai sejak 1998.

“Kita yakin, dengan penyertaan dalam WCPFC, Malaysia boleh merencanakan industri tuna, meningkatkan lagi hasil pendaratan tuna dan seterusnya membangunkan industri laut dalam dan tuna dengan meningkatkan pendaratan sektor perikanan dan jaminan sekuriti makanan negara serta

menggalakkan penglibatan pengusaha industri laut dalam dan tuna di sepanjang rantaian industri tuna," katanya.

Katanya, sehingga Oktober 2021, sebanyak 20 buah vesel tuna iaitu 19 buah vesel penangkapan ikan tuna dan sebuah vesel carrier tuna telah dilesenkan dan sudah beroperasi di Lautan Hindi manakala satu lagi vesel penangkapan ikan tuna dalam proses pelesenan dan dijangka dilesenkan pada hujung tahun ini.

Ronald (tengah) menyerahkan watakah pelantikan myKP kepada ahli renjer Taman-taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan sebaik selesai sesi libat urus itu.

Selain itu katanya, kerajaan turut menggalakkan sehingga 70 buah vesel penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia beroperasi di Lautan Hindi menjelang tahun 2030.

"Ini adalah bagi membolehkan kuota pendaratan ikan tuna oleh Malaysia di Lautan Hindi sebanyak 30 ribu tan metrik tercapai," katanya.

Sementara itu, dalam majlis sama, Ronald menyampaikan watakah pelantikan myKomuniti Perikanan (myKP) kepada lima ahli renjer Taman Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan untuk membentuk nilai kesedaran berhubung kepentingan pengurusan sumber perikanan setempat dan menggunakan peluang rangkaian ekonomi perikanan bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti perikanan.

Headline	Kerajaan tak biar petani, pesawah tanggung beban		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	21 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	8	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	679 cm ²
Journalist	Rohaniza Idris	AdValue	RM 22,570
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,710



Ismail Sabri ketika melawat tapak pameran selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sekinchan, semalam. (Foto BERNAMA)

Kerajaan tak biar petani, pesawah tanggung beban

Kementerian kewangan diarah selesai isu kenaikan harga baja, racun

Oleh Rohaniza Idris
rolha@bh.com.my

Sekinchan: Kabinet sudah mengarahkan Kementerian Kewangan menyelesaikan isu kenaikan harga baja dan racun serta menyalurkan bantuan sewajarnya kepada pesawah dan petani negara ini, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, arahan itu dikeluarkan selepas perkara terbabit dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat Kabinet kelmarin.

"Kerajaan mahu masalah kenaikan baja dan racun menubuhkan industri padi dan beras negara.

"Masalah rakyat, pesawah adalah masalah kerajaan.

"Kita tidak biarkan beban itu hanya ditanggung sendirian oleh pesawah dan petani.

"Insya-Allah, kita akan bantu," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21, di sini semalam.

Yang Juruutudj, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr

Ronald Kiang; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari serta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Benih berkenaan menerima pengiktirafan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) serta Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) sempena Persidangan Agung kali ke-65 agensi itu di Vienna, Austria, pada September lalu.

Pengiktirafan diterima adalah bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman kerana berdaya tahan tinggi terhadap cuaca yang tidak menentu dan mempunyai rintangan terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.

Benih padi IS21 disifatkan sebagai hasil inovasi industri padi negara yang dilihat mampu meningkatkan hasil tuaian sehingga 67 peratus atau sembilan tan pengeluaran sehektar mengikut kawasan penanaman.

Ismail Sabri berkata, kenaikan harga baja dan racun tidak dapat dielakkan kerana kesan kenaikan harga pasaran antarabangsa kerana kebanyakannya diimport, walaupun ada syarikat tempatan termasuk koperasi pesawah terbabit dalam industri berkenaan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, mendukung aspirasi Keluarga Malaysia, Bajet 2022 yang dibentangkan pada 29 Oktober lalu memperuntukkan RM1.53 bilion bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tani-

man padi.

Katanya, peruntukan berkenaan bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara, dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

"Kerajaan juga sedang mengahkkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur, bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

"Pendekatan ini dijangka berupaya mewujudkan persekitaran industri kawal selia sendiri, seterusnya mengurangkan penlabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rantai pengeluaran padi," katanya.

Perdana Menteri juga berharap jabatan dan agensi kerajaan yang terbabit dalam pengeluaran makanan negara dapat bekerjasama bagi memastikan sekuriti dan kemanapan makanan negara serta kesejahteraan rakyat terjamin.

"Selain itu, saya turut mengahkkan kesempatan ini melahirkan rasa bangga melihat kerjasama strategik rentas kementerian di antara MOSTI serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi benih padi IS21," katanya.

Ismail Sabri berkata, beliau berharap MOSTI akan terus tampil dengan hasil penyelidikan dan pembangunan berkualiti yang mampu melakar lebih banyak kejayaan di masa hadapan.

Benih Padi IS21

- Dihasilkan secara biak baka mutasi aruhan ke atas padi MR21 guna Teknologi Sinaran Gama.
- Ujian Multilokasi (MLTI) dimulakan pada 2016 dan 2017
- Ujian Penentusahan Tempatan (LVT) dijalankan pada 2018 dan 2020
- Menunjukkan hasil tinggi dan stabil di pelbagai persekitaran dan sesuai pada tanah yang berbeza.
- Sangat bertindak balas kepada baja nitrogen dan rintang kepada beberapa penyakit padi utama
- Ditanam di jelang padi utama seluruh Semenanjung termasuk di Barat Laut Selangor; Kerian dan Seberang Perak serta MADA, Kedah
- Peningkatan hasil 40 hingga 67 peratus berbanding pengeluaran hasil kebangsaan
- Purata hasil cecah 9 tan per hektar
- Rintang tahap sederhana kepada penyakit karah, hawar daun bakteria, bera perang, hawar seludang dan tungro.

Headline	Benih padi baharu IS21 tingkatkan hasil		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	7	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	540 cm ²
Journalist	Oleh ENSKU SHARIFUL AZNI	AdValue	RM 11,448
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,344



Benih padi baharu IS21 tingkatkan hasil

Dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinar gama

Oleh ENSKU SHARIFUL AZNI

SEKINCHAN

Pengenalan benih padi jenis IS21 yang dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinar gama dilihat mampu mempertingkatkan produktiviti industri padi dan beras sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan akibat peningkatan populasi masyarakat di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia berikutan laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menjangkakan peningkatan penduduk dunia kepada 9.7 bilion menjelang tahun 2050.

Menurutnya, Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB turut menganggarkan pengeluaran pertanian dan makanan bakal menunjukkan peningkatan kira-kira 70 peratus bagi memenuhi permintaan makanan serta pemakanan masyarakat global menjelang 2050.

"Untuk memastikan matlamat transformasi negara ke arah negara berteknologi tinggi, program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi di kenal pasti sebagai salah satu

teras utama Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) iaitu pelan pembangunan menyeluruh untuk manfaat Keluarga Malaysia yang Makmur, inklusif dan mampan.

"Usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memantapkan penyelidikan teknologi agromakanan seperti benih padi IS21 adalah selaras dengan hasrat transformasi ekonomi negara daripada status pengguna teknologi kepada pembangun teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, penghasilan benih padi IS21 oleh Agensi Nuklear Malaysia melalui MOSTI turut mendapat pengiktirafan daripada *International Atomic Energy Agency and Food and Agriculture Organisation* sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria pada September lalu menerusi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman.

Katanya, ia adalah bukti kejayaan kerajaan melalui MOSTI dan Agensi Nuklear Malaysia berjaya mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

"Saya harap MOSTI terus tampil dengan hasil penyelidikan dan pembangunan berkualiti yang mampu cipta lebih banyak



Dari kanan: Dr Ronald, Dr Adham, Amirudin, Ismail Sabri dan Noh ketika gimik perasmian di Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, Sekinchan pada Sabtu.

kejayaan pada masa hadapan.

"Inisiatif MOSTI menghasilkan varieti padi baharu IS21 ini adalah salah satu usaha pelengkap dalam meningkatkan sekuriti makanan negara dan selaras hasrat kerajaan meningkatkan tahap sara diri padi negara, serta mampu mengurangkan kebergantungan beras import pada masa hadapan," ujarnya.

Benih padi IS21 diiktiraf Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi negara.

Melalui subsidi tersebut, pesawah boleh mendapatkan benih padi pada harga RM35 untuk 20 kilogram (kg) dan setakat ini, terdapat lebih 15,000 pesawah padi di seluruh negara menerima serta menanam benih padi jenis IS21 tersebut.

Dalam perkembangan lain, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, penghasilan benih padi jenis IS21 merupakan antara pencapaian terbaik kajian biak baka mutasi di Malaysia serta mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan dalam industri padi negara bagi mencapai matlamat sekuriti makanan negara yang sedang dihadapi.

Beliau berkata, projek penyelidikan dan pembangunan varieti padi IS21 yang bermula sejak tahun 2005 mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian.

"Masih ramai kurang menyedari bahawa teknologi nuklear memainkan peranan besar dalam

penambahbaikan hasil tanaman dan mampu memusnahkan serangga perosak dengan menghalang pembiakannya.

"Banyak kepelbagaian tanaman baharu dapat dihasilkan yang tahan penyakit, cepat matang dan memberikan hasil pulangan yang lebih tinggi kepada para pesawah dan petani.

"Sektor lain yang mendapat manfaat daripada teknologi nuklear ini adalah bidang perubatan, bioteknologi, alam sekitar, industri dan pembuatan," kata beliau.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klандее; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar dan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Ng Suet Lim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

5,849 hektar padi di Pendang ditenggelami banjir



PENDANG - Seluas 5,849 hektar tanaman padi kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini ditenggelami banjir akibat hujan lebat bermula 17 Oktober sehingga 2 November dengan jumlah hujan antara 157milimeter (mm) hingga 331mm.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, kejadian banjir itu juga diikuti fenomena air pasang besar yang bermula pada 4 November hingga 7 November lalu.

Menurutnya, pihaknya telah memanjangkan laporan tersebut bagi pertimbangan Tabung Bencana Tanaman Padi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membantu pesawah MADA yang terjejas.

"Bancian sudah mula dibuat di kawasan terlibat banjir bermula sejak kejadian hingga Disember ini nanti bagi menentukan kerosakan yang berlaku. Bancian ini akan diangkat ke Jawatankuasa Teknikal untuk pertimbangan sebagai bantuan.

"Dari sudut benih padi pula, kita telah berhubung dengan pengeluar di dalam kawasan MADA dan mereka kata bekalan benih cukup untuk petani membuat tanaman semula di kawasan terlibat banjir," katanya ketika sidang akhbar di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA D-III, Titi Haji Idris, dekat sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Bantuan Bakul Makanan MAFI-Prihatin MADA kepada 618 keluarga petani yang dirasmikan Ahli Parlimen Pendang merangkap Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim.

Hadir sama Exco Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Hayati Othman yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tokai.

Mengulas lanjut, Ahmad Tarmizi berkata, MADA telah melaksanakan sebanyak 78 Program MAFI Prihatin sejak Januari 2021 yang melibatkan keseluruhan kawasan Muda dengan jumlah penerima sumbangan seramai 8,776 orang dengan peruntukan sebanyak RM664,443.

Jelasnya, penerima sumbangan itu tergolong daripada peladang-peladang yang terjejas dengan bencana alam dan terkesan disebabkan oleh pandemik Covid-19 serta petugas barisan hadapan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

2,759 pesawah terjejas akibat banjir di Kedah



PENDANG: Seramai 2,759 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Pendang terjejas selepas 5,849 hektar sawah ditenggelami banjir sejak bulan lalu.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, berkata banjir berlaku akibat hujan lebat bermula 17 Oktober hingga 2 November lalu, dengan jumlah hujan antara 157 milimeter (mm) hingga 331mm diikuti fenomena air pasang besar bermula 4 hingga 7 November lalu.

Katanya, MADA sudah memanjangkan laporan berkaitan bencana yang melanda kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mendapatkan pertimbangan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi untuk pesawah yang terjejas.

"Bancian sudah mula dibuat di kawasan bencana terbabit bagi menentukan kerosakan yang berlaku kepada kawasan sawah sebelum ia akan dihantar ke Jawatankuasa Teknikal untuk pertimbangan mendapatkan bantuan.

"Bagi bantuan benih padi pula, kita sudah berhubung dengan pengeluar di kawasan MADA dan mereka memberi jaminan bekalan benih cukup untuk petani membuat tanaman semula di kawasan yang sebelum ini dilanda banjir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bantuan Bakul Makanan MAFI-Prihatin MADA kepada 618 pesawah di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA, Titi Haji Idris, di sini, hari ini.

Hadir bagi menyerahkan bantuan itu adalah Ahli Parlimen Pendang merangkap Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim.

Mengulas lanjut, Ahmad Tarmizi berkata, pihaknya telah melaksanakan 78 Program MAFI Prihatin sejak Januari lalu, di seluruh kawasan MADA dengan jumlah penerima sumbangan adalah seramai 8,776 petani dengan peruntukan sebanyak RM664,443.

Katanya, penerima sumbangan itu terdiri daripada petani yang terjejas dengan bencana alam dan terkesan disebabkan pandemik COVID-19 serta petugas barisan hadapan